



10 Mac 2022
10 March 2022
P.U. (A) 54

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN
(JAWATANKUASA PERTIKAIAN SUKAN) 2022

*SPORTS DEVELOPMENT (SPORTS DISPUTE COMMITTEE)
REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997
PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN
(JAWATANKUASA PERTIKAIAN SUKAN) 2022

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Permohonan rujukan pertikaian
4. Penarikan balik rujukan pertikaian
5. Notis pendengaran
6. Penyelesaian pendengaran
7. Ketidakhadiran pihak-pihak
8. Ketidakhadiran mana-mana orang
9. Perwakilan dalam prosiding
10. Keputusan
11. Penangguhan keputusan
12. Rekod prosiding
13. Daftar

AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN
(JAWATANKUASA PERTIKAIAN SUKAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 32 Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Jawatankuasa Pertikaian Sukan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2022.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“daftar” ertinya suatu daftar yang disenggara dan disimpan oleh Setiausaha bagi maksud Peraturan-Peraturan ini;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Pertikaian Sukan yang ditubuhkan di bawah Bahagian VI Akta;

“pemohon” ertinya anggota suatu badan sukan atau badan sukan yang merujuk pertikaian kepada Jawatankuasa Pertikaian Sukan di bawah seksyen 24 Akta;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa Pertikaian Sukan yang dilantik di bawah perenggan 28(1)(a) Akta;

“responden” ertinya anggota badan sukan atau badan sukan yang dinamakan sebagai pihak yang satu lagi oleh pemohon dalam rujukan pertikaian;

“Setiausaha” ertinya Pesuruhjaya yang dilantik di bawah subseksyen 29(1) Akta termasuk mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah subseksyen 29(2) Akta.

Permohonan rujukan pertikaian

3. (1) Rujukan pertikaian hendaklah dibuat oleh pemohon kepada Jawatankuasa dengan mengemukakan permohonan rujukan pertikaian kepada Setiausaha mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Apabila permohonan diterima di bawah subperaturan (1), Setiausaha hendaklah mendaftarkan permohonan itu dalam daftar.

(3) Setiausaha hendaklah mengeluarkan suatu notis kepada semua pihak dalam permohonan di bawah subperaturan (1) untuk mengemukakan semua dokumen yang berkaitan, jika ada, dalam masa yang ditetapkan dalam notis itu.

Penarikan balik rujukan pertikaian

4. (1) Rujukan pertikaian yang dibuat di bawah subperaturan 3(1) boleh ditarik balik oleh pemohon dengan memberikan suatu notis bertulis penarikan balik kepada Setiausaha.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), rujukan pertikaian boleh ditarik balik secara lisan semasa pendengaran di hadapan Jawatankuasa dan Pengerusi hendaklah merekodkan dan memaklumkan penarikan balik itu kepada Setiausaha.

(3) Setiausaha hendaklah merekodkan penarikan balik rujukan pertikaian di bawah subperaturan (1) dan (2) dalam daftar.

Notis pendengaran

5. (1) Pengerusi hendaklah menetapkan tarikh, masa dan tempat pendengaran rujukan pertikaian yang difikirkan sesuai oleh Pengerusi dan memaklumkan tarikh, masa dan tempat pendengaran itu kepada Setiausaha.

(2) Setiausaha hendaklah, apabila menerima dokumen di bawah subperaturan 3(3) dan pemakluman di bawah subperaturan (1), mengeluarkan suatu notis pendengaran kepada pemohon dan responden.

(3) Suatu notis pendengaran boleh dikeluarkan kepada mana-mana orang pada bila-bila masa sehingga pendengaran rujukan pertikaian itu selesai.

Penyelesaian pendengaran

6. (1) Jawatankuasa hendaklah menyelesaikan pendengaran rujukan pertikaian dalam tempoh enam bulan dari tarikh pendengaran rujukan pertikaian itu bermula.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (1) dan (3), Jawatankuasa boleh menangguhkan apa-apa pendengaran rujukan pertikaian ke suatu tarikh lain jika Jawatankuasa fikir perlu atau patut.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), tempoh pendengaran rujukan pertikaian boleh dilanjutkan sekiranya Jawatankuasa berpuas hati terdapat hal keadaan khas untuk berbuat demikian.

(4) Bagi maksud peraturan ini, “menyelesaikan” ertinya mendengar dan membuat keputusan.

Ketidakhadiran pihak-pihak

7. (1) Jika pemohon atau responden, setelah menerima notis pendengaran di bawah subperaturan 5(2), tidak dapat hadir pada pendengaran rujukan pertikaian melainkan dalam hal kecemasan, pemohon atau responden hendaklah, sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh pendengaran itu, memberikan suatu notis bertulis menyatakan sebab ketidakhadirannya kepada Jawatankuasa.

(2) Apabila notis bertulis di bawah subperaturan (1) diterima, Jawatankuasa boleh menangguhkan atau meneruskan pendengaran itu jika difikirkan perlu atau patut oleh Jawatankuasa.

- (3) Jika tiada notis bertulis di bawah subperaturan 7(1) diberikan, dan—
- (a) pemohon tidak hadir dan responden hadir pada tarikh pendengaran, Jawatankuasa boleh, jika berpuas hati bahawa notis di bawah subperaturan 5(2) telah disampaikan—
 - (i) menangguhkan pendengaran itu ke suatu tarikh lain; atau
 - (ii) tidak meneruskan pendengaran dan menolak rujukan pertikaian yang dimohon oleh pemohon itu;
 - (b) pemohon hadir dan responden tidak hadir pada tarikh pendengaran, Jawatankuasa boleh, jika berpuas hati bahawa notis di bawah subperaturan 5(2) telah disampaikan—
 - (i) menangguhkan pendengaran itu ke suatu tarikh lain; atau
 - (ii) meneruskan pendengaran itu dan membuat keputusan;
 - (c) pemohon dan responden tidak hadir pada tarikh pendengaran, Jawatankuasa boleh, jika berpuas hati bahawa notis di bawah subperaturan 5(2) telah disampaikan, tidak meneruskan pendengaran dan menolak rujukan pertikaian itu.

(4) Jawatankuasa tidak boleh mendengar pertikaian yang sama yang telah ditolak di bawah perenggan (3)(a) dan 3(c).

Ketidakhadiran mana-mana orang

8. (1) Jika mana-mana orang, setelah menerima notis pendengaran di bawah subperaturan 5(3), tidak dapat hadir pada pendengaran rujukan pertikaian melainkan dalam hal kecemasan, orang yang terlibat dalam rujukan pertikaian itu hendaklah, sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh pendengaran itu, memberikan notis bertulis menyatakan sebab ketidakhadirannya kepada Jawatankuasa.

(2) Setelah notis di bawah subperaturan (1) diterima, Jawatankuasa boleh menangguhkan atau meneruskan pendengaran itu jika difikirkan perlu atau patut.

Perwakilan dalam prosiding

9. (1) Mana-mana pemegang jawatan badan sukan boleh mewakili badan sukan itu dalam pendengaran rujukan pertikaian.

(2) Tiada orang atau badan sukan boleh mewakili mana-mana anggota badan sukan itu dalam pendengaran itu.

Keputusan

10. (1) Tertakluk kepada peraturan 11, Jawatankuasa hendaklah membuat keputusan berdasarkan keputusan majoriti pada tarikh pendengaran rujukan pertikaian itu selesai.

(2) Jika Jawatankuasa tidak dapat membuat keputusan majoriti, Pengerusi hendaklah berhak untuk membuat undi pemutus.

(3) Jawatankuasa hendaklah membuat keputusan dan alasan keputusan secara bertulis.

(4) Jika rujukan pertikaian diselesaikan melalui perjanjian penyelesaian atau persetujuan, Jawatankuasa hendaklah membuat keputusan secara bertulis tanpa alasan keputusan.

(5) Setiausaha hendaklah menyampaikan keputusan Jawatankuasa di bawah peraturan ini kepada semua pihak dalam rujukan pertikaian mengikut cara yang ditentukan oleh Setiausaha dan merekodkan keputusan itu dalam daftar.

Penangguhan keputusan

11. (1) Jawatankuasa Pertikaian Sukan boleh menangguhkan keputusan permohonan rujukan ke tarikh lain jika Jawatankuasa tidak dapat membuat keputusan pada tarikh pendengaran itu selesai.

(2) Apa-apa tarikh yang ditetapkan di bawah subperaturan (1) hendaklah tidak melebihi tempoh yang disebut dalam peraturan 6.

Rekod prosiding

12. Setiausaha hendaklah menyimpan rekod prosiding rujukan pertikaian yang dijalankan oleh Jawatankuasa.

Daftar

13. Setiausaha hendaklah menyenggara dan menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditentukan oleh Setiausaha.

Dibuat pada 16 Februari 2022
[(KBS.S.DS.1/05/70 (12); PN(PU2)587/III]

DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU
Menteri Belia dan Sukan

SPORTS DEVELOPMENT ACT 1997

SPORTS DEVELOPMENT (SPORTS DISPUTE COMMITTEE) REGULATIONS 2022

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Application of referral of dispute
4. Withdrawal of referral of dispute
5. Notice of hearing
6. Conclusion of hearing
7. Absence of parties
8. Absence of any person
9. Representation in proceeding
10. Decision
11. Adjournment of decision
12. Record of proceeding
13. Register

SPORTS DEVELOPMENT ACT 1997

SPORTS DEVELOPMENT (SPORTS DISPUTE COMMITTEE) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by section 32 of the Sports Development Act 1997 [Act 576], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Sports Development (Sports Dispute Committee) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 15 March 2022.

Interpretation

2. In these Regulations—

“register” means a register maintain and keep by the Secretary for the purposes of these Regulations;

“Committee” means the Sports Dispute Committee established under Part VI of the Act;

“applicant” means a member of a sports body or sports body who refers a dispute to the Sports Dispute Committee under section 24 of the Act;

“Chairman” means the Chairman of the Sports Dispute Committee appointed under paragraph 28(1)(a) of the Act;

“respondent” means a member of a sports body or sports body who is named as the other party by the applicant in a referral of a dispute;

“Secretary” means the Commissioner appointed under subsection 29(1) of the Act including any public officer appointed under subsection 29(2) of the Act.

Application of referral of dispute

3. (1) A referral of a dispute shall be made by an applicant to the Committee by submitting an application of referral of a dispute to a Secretary in the form and manner as determined by the Chairman.

(2) Upon receipt of the application under subregulation (1), the Secretary shall register such application in the register.

(3) The Secretary shall issue a notice to all parties in the application under subregulation (1) to submit all relevant documents, if any, within the time specified in the notice.

Withdrawal of referral of dispute

4. (1) The referral of a dispute made under subregulation 3(1) may be withdrawn by an applicant by giving a written notice of withdrawal to the Secretary.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the referral of a dispute may be withdrawn orally during hearing before the Committee and the Chairman shall record and inform the withdrawal to the Secretary.

(3) The Secretary shall record the withdrawal of the referral of a dispute under subregulations (1) and (2) in the register.

Notice of hearing

5. (1) The Chairman shall fix a date, time and place of the hearing of a referral of a dispute as the Chairman thinks fit and notify the date, time and place of the hearing to the Secretary.

(2) The Secretary shall, upon receiving documents under subregulation 3(3) and notification under subregulation (1), issue a notice of hearing to the applicant and the respondent.

(3) A notice of hearing may be issued to any person at any time until the hearing of the referral of a dispute is concluded.

Conclusion of hearing

6. (1) The Committee shall conclude the hearing of referral of a dispute within a period of six months from the date the hearing commenced.

(2) Subject to subregulations (1) and (3), the Committee may adjourn any hearing of the referral of a dispute to another date as the Committee thinks necessary or proper.

(3) Notwithstanding subregulation (1), the hearing of the referral of a dispute may be extended if the Committee is satisfied that there is special circumstances to do so.

(4) For the purposes of this regulation, “conclude” means hear and make a decision.

Absence of parties

7. (1) If an applicant or a respondent, upon receiving the notice of hearing under subregulation 5(2), is unable to attend the hearing of the referral of a dispute except in a case of emergency, the applicant or the respondent shall, at least seven days before the date of the hearing, give a written notice stating the reasons of his absence to the Committee.

(2) Upon receipt of the written notice under subregulation (1), the Committee may adjourn or continue the hearing if the Committee thinks necessary or proper.

(3) If no written notice under subregulation 7(1) is given, and—

(a) the applicant is absent and the respondent is present on the date of the hearing, the Committee may, if satisfied that the notice under subregulation 5(2) has been served—

- (i) adjourn the hearing to another date; or
 - (ii) discontinue the hearing and dismiss the referral of a dispute applied by the applicant.
- (b) the applicant is present and the respondent is absent on the date of the hearing, the Committee may, if satisfied that the notice under subregulation 5(2) has been served—
- (i) adjourn the hearing to another date; or
 - (ii) continue with the hearing and make decision;
- (c) the applicant and the respondent are not present on the date of the hearing, the Committee may, if satisfied that the notice under subregulation 5(2) has been served, discontinue with the hearing and dismiss the referral of a dispute.

(4) The Committee shall not hear the same dispute which has been dismissed under paragraphs (3)(a) and 3(c).

Absence of any person

8. (1) If any person, upon receiving the notice of hearing under subregulation 5(3), is unable to attend the hearing of the referral of a dispute except in a case of emergency, that person involve in the referral of a dispute shall, at least seven days before the date of the hearing, give a written notice stating the reasons for his absence to the Committee.

(2) Upon receipt of the written notice under subregulation (1), the Committee may adjourn or continue the hearing if the Committee deems it necessary or proper.

Representation in proceeding

9. (1) Any office bearer of a sports body may represent the sports body in a hearing of a referral of a dispute.

(2) No person or sports body shall represent any member of a sports body in the hearing.

Decision

10. (1) Subject to regulation 11, the Committee shall make a decision based on a majority decision on the date of a hearing of the referral of a dispute is concluded.

(2) If the Committee is unable to decide on a majority decision, the Chairman shall have the right to cast a casting vote.

(3) The Committee shall make a decision and grounds of the decision in writing.

(4) If the referral of a dispute is resolved by way of a settlement or consent agreement, the Committee shall make a decision in writing without grounds of decision.

(5) The Secretary shall communicate the decision of the Committee under this regulation to all parties to the referral of a dispute in a manner as determined by the Secretary and record the decision in the register.

Adjournment of decision

11. (1) The Committee may adjourn a decision of the referral of a dispute to another date if the Committee is unable to make the decision on the date the hearing is concluded.

(2) Any date appointed under subregulation (1) shall not exceed the period specified in regulation 6.

Record of proceeding

12. The Secretary shall keep a record of proceedings of the referral of a dispute conducted by the Committee.

Register

13. The Secretary shall maintain and keep a register in the form as determined by the Secretary.

Made 16 February 2022
[(KBS.S.DS.1 / 05/70 (12); PN(PU2)587/III]

DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU
Minister of Youth and Sports